

26/05/2003

Kabinet bakal dirombak (HL)

Wan Jailani Razak; Tuan Nazuri Tuan Ismail

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menimbang melakukan
rombakan

Kabinet berikutan perubahan dalam barisan kepimpinan MCA yang
menyaksikan Presiden dan Timbalan Presiden parti itu meletakkan jawatan.

"Saya akan memikirkan perkara ini. Saya akan beritahu bila kita
putusan.

"Tidak ada keperluan untuk buat pengumuman (ketika ini mengenai
rombakan

Kabinet)," kata Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional
(BN).

Dr Mahathir berkata, beliau juga belum membuat keputusan mengenai
kedudukan bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai
Menteri
Pengangkutan.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditemui selepas majlis menyambut
ketibaan perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin di Jeti Kuah, di
sini,
semalam, yang menjadi rakyat Malaysia pertama berjaya berenang merentasi
Selat Melaka dari Kuala Perlis ke Langkawi.

Presiden MCA yang baru dilantik, Datuk Seri Ong Ka Ting turut hadir
pada
majlis berkenaan.

Dr Ling, yang meletakkan jawatan sebagai Presiden MCA pada Jumaat lalu
sudah menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan
kepada Dr Mahathir sebelum ini. Timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek juga
meletakkan jawatan Jumaat lalu.

Berikutan itu, Jawatankuasa Pusat MCA melantik Ong yang menjawat Naib
Presiden untuk mengetuai parti itu dan seorang lagi Naib Presiden, Datuk
Chan Kong Choy sebagai timbalannya.

Rombakan Kabinet terakhir dilakukan 19 November lalu apabila bekas
Pengerusi Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dilantik
sebagai Menteri Kewangan Kedua dan Setiausaha Kerja Umno yang juga
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku
Mansor sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pada tarikh sama, turut dinaikkan jawatan ialah Setiausaha Parlimen
Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, yang dilantik Timbalan
Menteri Penerangan.

Dr Mahathir ketika ditanya sama ada berbincang mengenai isu MCA dengan
Ong dalam pertemuan mereka di sini, berkata:

"Beliau (Ong) hanya datang untuk mengucapkan terima kasih, itu saja.
Ini
kerana saya sudah menerima pelantikannya dalam menerajui kepimpinan
MCA.

Ditanya sama ada beliau ada memberi pendapatnya kepada pemimpin MCA
supaya menyelesaikan masalah parti itu, Dr Mahathir berkata, beliau
tidak
mahu mengganggu hal ehwal dalaman MCA.

"Ia adalah masalah dalaman MCA. Mereka (kepimpinan MCA) akan

mengendalikan masalah di kalangan mereka," katanya.

Ong ketika ditemui kemudian bagaimanapun enggan mengulas sama ada akan berlaku perubahan dalam barisan Kabinet membabitkan pemimpin MCA.

Mengenai kehadirannya di sini, Ong berkata, beliau hanya mahu mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana yakin dengannya dan timbalannya untuk mengetuai MCA, selain sokongan yang ditunjukkan Dr Mahathir.

"Ketika ini, kami akan menumpukan perhatian untuk menyatukan ahli MCA. Fokus kami sekarang ialah untuk bersedia menghadapi pilihan raya," katanya.